

1) PENDAHULUAN

- i. Terma & Syarat yang dinyatakan di sini ("T&S") akan mengawal selia Kempen Kaotim App-clusive Rewards ("Kempen") yang dianjurkan oleh Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad [No. Syarikat 198401019089 (131646-K)] dan Syarikat Takaful Malaysia Am Berhad [No. Syarikat 201701032316 (1246486-D)] (selepas ini dirujuk secara kolektif "Takaful Malaysia" dan "Kami").

2) TEMPOH KEMPEN

- i. Kempen ini bermula pada 11 Mei 2026 pada 12:00 tengah malam Waktu Malaysia ("MYT") dan berakhir pada 10 Julai 2026 jam 11:59 malam MYT ("Tempoh Kempen").
- ii. Penyertaan yang diterima di luar Tempoh Kempen akan dibatalkan kelayakannya dan dianggap tidak layak dipertimbangkan untuk Ganjaran (seperti yang ditakrifkan di bawah).

3) KELAYAKAN

- i. Kempen ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang merupakan pelanggan Kaotim dan telah memuat turun serta log masuk ke portal pelanggan melalui aplikasi Kaotim buat kali pertama.

4) MEKANISME KEMPEN

- i. Pelanggan dikehendaki memuat turun aplikasi Kaotim melalui platform berikut:
 - a. iOS – App Store
 - b. Android – Google Play
- ii. Pelanggan yang log masuk ke aplikasi Kaotim buat kali pertama layak menerima PIN tambah nilai TNG eWallet bernilai RM10, terhad kepada seratus (100) penerima setiap minggu, sementara stok masih ada.
- iii. Ganjaran akan diagihkan secara mingguan pada setiap hari Rabu, tertakluk kepada pengesahan kelayakan yang berjaya dan pematuhan kepada T&S ini, mengikut budi bicara mutlak Takaful Malaysia.

5) PELANGGAN YANG LAYAK & GANJARAN

- i. Setiap Pelanggan yang dipilih menurut Klausula 4(ii) berhak menerima satu (1) Ganjaran.
- ii. Pelanggan yang Layak bagi Kempen ini berhak menerima Ganjaran seperti yang dinyatakan dalam jadual di bawah:

Ganjaran
Ganjaran Mingguan: <ul style="list-style-type: none">• Seratus (100) Pelanggan pertama akan menerima PIN tambah nilai TNG eWallet bernilai RM10, sementara stok masih ada.

Peruntukan Ganjaran akan ditentukan berdasarkan turutan kronologi cap masa langganan yang berjaya dalam setiap Tempoh Pemilihan Mingguan.

Tarikh Pengagihan Ganjaran Mingguan
20 Mei 2026
27 Mei 2026
3 Jun 2026
10 Jun 2026
17 Jun 2026
24 Jun 2026
1 Julai 2026
8 Julai 2026
15 Julai 2026

- iii. Pelanggan Layak akan dimaklumkan melalui Mel Terus Elektronik (“EDM”) yang dihantar ke alamat e-mel yang didaftarkan dengan Kaotim. EDM tersebut akan mengandungi PIN Tambah Nilai TNG eWallet dengan amaun yang berkaitan seperti yang dinyatakan dalam Klausula 5(ii).
- iv. Ganjaran tidak boleh dipindah milik, ditebus atau ditukar dengan kredit atau dalam apa jua bentuk.
- v. Pelanggan yang layak hanya berhak untuk menerima satu (1) Ganjaran sahaja sepanjang Tempoh Kempen.
- vi. Takaful Malaysia berhak menggantikan mana-mana Ganjaran dengan ganjaran lain yang mempunyai nilai setara tanpa memberikan notis terlebih dahulu.
- vii. Ganjaran hendaklah ditebus oleh Pelanggan yang Layak melalui aplikasi mudah alih TNG eWallet.
- viii. Takaful Malaysia tidak akan bertanggungjawab untuk menangani sebarang pertanyaan dan aduan berkenaan dengan Ganjaran selepas penerimaan ganjaran oleh pelanggan yang Layak dan Takaful Malaysia tidak akan bertanggungjawab untuk menyelesaikan pertikaian tersebut atau untuk pertikaian itu sendiri. Sebarang pertanyaan dan aduan mengenai Ganjaran mesti disalurkan kepada pengedar atau pengeluar Ganjaran mengikut T&S yang berkaitan dengan Ganjaran tersebut.
- ix. Setiap pelanggan yang Layak akan bertanggungjawab sepenuhnya untuk penebusan dan penggunaan Ganjaran. Takaful Malaysia tidak akan bertanggungjawab, atau diwajibkan untuk menawarkan penggantian dan/atau pampasan bagi Ganjaran dalam mana-mana keadaan berikut:
 - a. kerugian atau kerosakan yang dialami oleh Pelanggan akibat pelanggaran T&S yang berkaitan dengan Ganjaran masing-masing;
 - b. sebarang perubahan yang dibuat pada Ganjaran; dan
 - c. ketidakmampuan untuk menebus/menggunakan Ganjaran disebabkan oleh keadaan yang tidak dijangka.
- x. Pelanggan yang Layak bertanggungjawab untuk sebarang dan semua cukai yang perlu dibayar, jika berkenaan, akibat penerimaan Ganjaran PIN Tambah Nilai TNG eWallet.

6) TERMA & SYARAT AM

- i. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta:
 - a. bersetuju untuk terikat dengan T&S;
 - b. bersetuju bahawa setiap rekod transaksi yang direkodkan dalam sistem Takaful Malaysia sepanjang Tempoh Kempen ini berdasarkan tarikh dan masa Malaysia adalah tepat dan muktamad;
 - c. bersetuju bahawa setiap dan semua keputusan yang dibuat oleh Takaful Malaysia berhubung dengan Kempen ini adalah muktamad dan mengikat semua peserta. Sebarang protes, pertanyaan, rayuan atau surat-menyurat tidak akan dilayan;
 - d. bersetuju membenarkan Takaful Malaysia mendedahkan butiran mereka kepada penyedia perkhidmatan pihak ketiga termasuk tetapi tidak terhad kepada pembekal, serta agensi pengiklanan dan promosi yang dilantik oleh Takaful Malaysia bagi tujuan yang berkaitan dengan Kempen ini, termasuk pengeluaran Ganjaran PIN Tambah Nilai TNG eWallet;
 - e. bersetuju membenarkan Takaful Malaysia menyiarkan nama, gambar yang diambil atau maklumat yang diberikan untuk tujuan pengiklanan dan publisiti semasa dan pada masa hadapan dalam sebarang bahan iklan atau publisiti yang berkaitan dengan Kempen ini tanpa sebarang pampasan;
 - f. tidak berhak untuk menuntut dan melepaskan sebarang hak terhadap sebarang pampasan daripada Takaful Malaysia, termasuk pegawai, kakitangan, wakil dan/atau ejen (termasuk tanpa sebarang limitasi, penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang dilantik oleh Takaful Malaysia untuk tujuan Kempen ini) untuk sebarang dan semua kerugian dan kerosakan yang timbul daripada atau berkaitan dengan penyertaan dalam Kempen ini, sama ada liabiliti tersebut berlaku berpunca secara langsung atau tidak langsung daripada pengubahan, pembatalan atau penangguhan Kempen ini.
- ii. Ahli Jawatankuasa penganjur Kempen ini dan panel juri tidak layak untuk menyertai Kempen ini.

7) NOTIS PRIVASI TAKAFUL MALAYSIA

- i. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta bersetuju untuk membenarkan data peribadi mereka dikumpul, diproses dan digunakan oleh Takaful Malaysia selaras dengan Notis Privasi Takaful Malaysia yang boleh dilihat di www.takaful-malaysia.com.my ("[Notis Privasi Takaful Malaysia](#)").
- ii. Di samping itu, tanpa prejudis terhadap terma di dalam Notis Privasi Takaful Malaysia, tertakluk pada arahan bertulis daripada Peserta/Pemenang melalui e-mel ke csu@takaful-malaysia.com.my untuk merahsiakan (jika berkenaan) butirannya daripada digunakan untuk tujuan aktiviti pemasaran, Peserta/Pemenang bersetuju data atau maklumat peribadi mereka dikumpul, diproses dan digunakan oleh Takaful Malaysia untuk:
 - a. tujuan Kempen ini; dan
 - b. aktiviti pemasaran dan promosi dilakukan dengan cara yang difikirkan sesuai oleh Takaful Malaysia dalam mana-mana media termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang bentuk pengiklanan atau publisiti dan bahan seperti rakaman audio dan/atau visual yang disiarkan melalui surat khabar, rangkaian televisyen, stesen radio atau dalam talian dan media digital dan di Internet, tanpa persetujuan lanjut daripada Peserta. Aktiviti pemasaran dan promosi termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan dan/atau penerbitan sebarang butiran yang disediakan dalam dan/atau berkaitan dengan penyertaan, bahan temu bual, serta respons dan gambar berkaitan. Sehubungan itu, setiap Peserta/Pemenang bersetuju untuk bekerjasama dan menyertai tanpa persetujuan nyata dan/atau pembayaran atau pertimbangan lanjut dalam semua aktiviti pengiklanan dan publisiti yang munasabah Takaful Malaysia berhubung dengan Kempen ini.

8) LAIN-LAIN

- i. Takaful Malaysia berhak untuk:
 - a. membatalkan kelayakan mana-mana Peserta yang tidak layak mengikut budi bicara mutlakny daripada menyertai Kempen ini; dan
 - b. menarik balik/membatalkan, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Kempen ini lebih awal secara keseluruhan atau sebahagian dan/atau mengubah, menambah, memadam, mengubah suai atau meminda T&S di sini, sepenuhnya atau sebahagian, mengikut budi bicara mutlakny dengan cara menyiarkan di www.takaful-malaysia.com.my atau dalam kaedah lain yang Takaful Malaysia anggap praktikal dengan memberi notis awal yang munasabah kepada Peserta mengenai penambahan, pemadaman atau pindaan T&S atau penamatan Kempen ini.
- ii. Takaful Malaysia dan mana-mana pegawai, pekerja, wakil dan/atau ejen (termasuk tanpa had, mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang dilantik oleh Takaful Malaysia untuk tujuan Kempen) tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian secara langsung atau tidak langsung, khas atau berbangkit, kerosakan atau kecederaan dalam apa jua cara yang dialami atau disebabkan oleh Peserta (termasuk tetapi tidak terhad kepada, kehilangan pendapatan, keuntungan atau muhibah) yang timbul daripada atau berkaitan dengan Kempen ini dan/atau penggunaan Ganjaran; dan sebarang keingkaran kewajipannya di bawah Kempen ini disebabkan oleh sebarang peristiwa force majeure yang termasuk tetapi tidak terhad kepada tindakan Tuhan, peperangan, rusuhan, sekatan keluar, tindakan industri, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, wabak penyakit berjangkit (pandemik/epidemik), atau sebarang kejadian di luar kawalan munasabah Takaful Malaysia.
- iii. T&S ini tertakluk di bawah dan ditafsirkan sesuai dengan Undang-Undang Malaysia dan Peserta/Pemenang bersetuju untuk patuh kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.
- iv. Ketidaksahan, kepenyalahan undang-undang atau ketakbolehkuatkuasaan sebarang terma di bawah ini haruslah tidak menjejaskan atau merencatkan kesinambungan lain-lain T&S Kempen ini.

Nota: Sebelum mendaftar/menyertai produk Kaotim, sila rujuk risalah produk kami, helaian pendedahan produk dan sijil untuk butiran lanjut. Sekiranya terdapat sebarang ketidakselarasan atau percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia bagi T&S ini, versi Bahasa Inggeris hendaklah diguna pakai.